

Helah untuk putuskan hubungan diplomatik

KUALA LUMPUR 2 Mac. - Tindakan memutuskan hubungan diplomatik dengan Korea Utara hanya akan memberi kelebihan kepada negara komunis itu untuk terus melindungi tiga lagi suspek pembunuhan Kim Jong-nam yang dipercayai berada di kedutaan mereka di sini.

Timbalan Pengarah Institut Pengajian Malaysia dan Antara-

bangsa (Ikmas), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sufian Jusoh berkata, apabila tiada lagi hubungan, suspek-suspek terlibat boleh pulang ke Korea Utara tanpa perlu disiasat kerana dilindungi di bawah undang-undang bangsa.



SUFIAN JUSOH

antara- hubungan dengan negara komunis itu.

Katanya, sebab itu, kenyataan Duta Besar Korea Utara, Kang Chol baru-baru ini yang jelas biadab dari sudut diplomatik dilihat hanyalah helah supaya Malaysia mengambil tindakan memutuskan hubungan dengan negara komunis itu.

“Kalau kita putuskan hubungan, saya rasa Korea Utara lebih suka kerana kita tidak lagi boleh ganggu mereka dan kena benarkan semua kakitangan kedutaan keluar dari negara ini tanpa sebarang sekatan. Sebab itulah duta Korea Utara berani mengeluarkan kenyataan mengkritik kerajaan Malaysia,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.